
BAB 5 PENYENARAIAN ASING**BAHAGIAN A - AM****5.01 Pengenalan**

- (1) Bab ini memperuntukkan kehendak-kehendak yang mesti dipatuhi oleh perbadanan asing yang memohon atau mempunyai penyenaraian utama, di Pasaran ACE.
- (2) Bagi maksud Bab ini, melainkan jika konteksnya menghendaki yang lain –
 - (a) "**pemohon**" ertinya perbadanan asing yang ingin memohon penyenaraian utama di Pasaran ACE; dan
 - (b) "**perbadanan tersenarai**" ertinya perbadanan asing yang mempunyai penyenaraian utama di Pasaran ACE.

PART B – PENERIMAAN MASUK**5.02 Penerimaan masuk**

- (1) Pemohon mesti mematuhi Bab 3 Kehendak-kehendak ini, tertakluk kepada kehendak tambahan, pengubahsuaian atau pengecualian yang diperuntukkan dalam Bab ini.
- (2) Pemohon mesti memohon untuk penyenaraian di Pasaran ACE melalui seorang Penaja.
- (3) Bursa akan menggunakan budi bicaranya ke atas penerimaan masuk dan penyenaraian berterusan bagi sekuriti di Senarai Rasminya dan boleh melulus atau menolak permohonan untuk penyenaraian di Pasaran ACE, sebagaimana yang difikirkannya sesuai.
- (4) Bursa juga boleh meluluskan permohonan untuk disenaraikan di Pasaran ACE tanpa syarat atau tertakluk kepada syarat-syarat, yang difikirkannya sesuai.
- (5) Pemohon mesti mematuhi prosedur penerimaan masuk dan kehendak-kehendak yang berkaitan sebagaimana yang ditetapkan oleh Bursa.

[Rujukan silang: Nota Panduan 15 dan 16]

5.03 Piawaian undang-undang dan peraturan

- (1) Pemohon mesti diperbadankan di dalam satu bidang kuasa yang mana undang-undang perbadanan dan undang-undang serta peraturan-peraturan lain mempunyai piawaian yang sekurang-kurangnya setara dengan yang ada di Malaysia, terutamanya berkenaan dengan –
 - (a) urus tadbir korporat;
 - (b) perlindungan pemegang syer dan kepentingan minoriti; dan
 - (c) peraturan pengambilalihan dan percantuman.

- (2) Jika bidang kuasa di mana pemohon diperbadankan tidak memperuntukkan piawaian yang disebut dalam sub-Kaedah (1) di atas, tetapi piawaian tersebut boleh diperuntukkan dengan cara mengubah dokumen konstituen pemohon, Bursa boleh meluluskan penyenaraian pemohon, tertakluk kepada pemohon membuat perubahan tersebut pada dokumen konstituennya. Berhubungan dengan ini, pemohon mesti menyerahkan satu perbandingan antara piawaian undang-undang dan peraturan-peraturan bidang kuasa di mana pemohon diperbadankan tersebut dengan yang terdapat di Malaysia, bersama-sama perubahan yang dicadangkan kepada dokumen konstituennya untuk mengatasi mana-mana kekurangan di dalam piawaian tersebut, di dalam permohonan penyenaraianya kepada Bursa.
- (3) Sekuriti pemohon mesti diterbitkan secara sah selaras dengan dokumen konstituen pemohon dan undang-undang berkaitan yang berkuat kuasa di dalam negara di mana pemohon diperbadankan.

5.04 Kelulusan pihak berkuasa kawal selia dari bidang kuasa asing

Pemohon mesti mendapatkan kelulusan dari semua pihak berkuasa kawal selia yang berkaitan dari bidang kuasa di mana ia diperbadankan dan menjalankan perniagaan terasnya, sebagaimana yang dikehendaki, sebelum menerbitkan prospektus penyenaraianya dan menyerahkan permohonannya kepada Bursa.

5.05 Pendaftaran Di Bawah Akta Syarikat

Pemohon mestilah berdaftar dengan Pendaftar di bawah Penggal 1 dari Bahagian V Akta Syarikat.

5.06 Kelulusan dari Bank Negara Malaysia

Pemohon atau pembuat tawaran sekuriti di dalam pemohon, mesti, jika berkenaan, terlebih dahulu mendapatkan kelulusan dari Bank Negara Malaysia untuk penggunaan hasil dari tawaran sekuriti itu.

5.07 Pelantikan pengarah

- (1) Pemohon yang keseluruhan atau sebahagian besar operasinya adalah di Malaysia mesti mempunyai pengarah yang majoritinya mempunyai tempat kediaman utama atau satu-satunya tempat kediaman mereka di dalam Malaysia.
- (2) Pemohon yang keseluruhan atau sebahagian besar beroperasinya adalah di negara asing mesti mempunyai sekurang-kurangnya 2 orang pengarah bebas yang mempunyai tempat kediaman utama atau satu-satunya tempat kediaman mereka di dalam Malaysia.

5.07A Jawatankuasa audit

Sebagai tambahan kepada peruntukan di dalam Kehendak-kehendak ini yang berhubungan dengan jawatankuasa audit, pemohon juga mesti memastikan bahawa jawatankuasa audit mempunyai sekurang-kurangnya 1 pengarah bebas yang mempunyai tempat kediaman utama atau satu-satunya tempat kediamannya di dalam Malaysia.

5.08 Ejen atau wakil

Pemohon mesti melantik ejen atau wakil di Malaysia yang bertanggungjawab untuk berkomunikasi dengan Bursa, bagi pihak pemohon.

5.09 Pejabat pemindahmilikan dan pendaftaran syer

Pemohon mesti menubuhkan pejabat pemindahmilikan syer atau pendaftaran syer di Malaysia.

5.10 Piawaian perakaunan

Pemohon mesti menyediakan penyata kewangan dan laporannya selaras dengan piawaian perakaunan yang diluluskan sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Laporan Kewangan 1997, yang merangkumi Piawaian Perakaunan Antarabangsa. Berkenaan dengan ini, pemohon mesti memberikan kepada Bursa suatu pengesahan dari akauntan profesional yang berkelayakan di bawah Akta Akauntan 1967 dan dari sebuah firma perakaunan antarabangsa, bahawa penyata kewangan pemohon mematuhi piawaian perakaunan yang diluluskan tersebut.

5.11 Juruaudit dan piawaian pengauditan

Pemohon mesti -

- (a) melantik juruaudit luar dari sebuah firma perakaunan antarabangsa atau firma perakaunan yang mempunyai gabungan antarabangsa; dan
- (b) memastikan bahawa piawai pengauditan yang dipakai adalah selaras dengan piawaian pengauditan yang diluluskan yang terpakai di Malaysia atau Piawaian Antarabangsa bagi Pengauditan.

5.12 Maklumat atau dokumen dalam Bahasa Inggeris

Semua maklumat atau dokumen yang dikemukakan, diserahkan atau dizahirkan menurut Kehendak-kehendak ini mesti di dalam Bahasa Inggeris

PART C – OBLIGASI BERTERUSAN BAGI PERBADANAN TERSENARAI**5.13 Penerapan Bab lain**

- (1) Perbadanan tersenarai mesti mematuhi semua Bab lain dalam Kehendak-kehendak ini tertakluk kepada kehendak tambahan, pengubahsuaian atau pengecualian yang dinyatakan dalam Bab ini.
- (2) Jika mana-mana kehendak dalam Bab ini bercanggah dengan kehendak Bab yang lain, kehendak dalam Bab ini mengatasi.

5.14 Pengarah dan jawatankuasa audit

Perbadanan tersenarai mesti mematuhi Kaedah 5.07 dan 5.07A di atas sebagai obligasi penyenaraian yang berterusan.

5.15 Piawaian perakaunan dan pengauditan

Perbadanan tersenarai mesti memastikan bahawa ia mematuhi piawaian perakaunan dan pengauditan yang dinyatakan dalam Kaedah 5.10 dan 5.11 di atas sebagai obligasi penyenaraian yang berterusan.

5.15A Kelulusan pemegang syer dikehendaki untuk melantik atau menyingkir juruaudit luar

Perbadanan tersenarai mesti terlebih dahulu mendapatkan kelulusan pemegang syer di dalam mesyuarat agung untuk melantik atau menyingkirkan juruaudit luarnya.

5.16 Maklumat atau dokumen dalam Bahasa Inggeris

Perbadanan tersenarai mesti mematuhi Kaedah 5.12 di atas sebagai obligasi penyenaraian yang berterusan.

5.17 Maklumat yang akan dizahirkan

Perbadanan tersenarai mesti mengumumkan kepada Bursa secara serentak semua maklumat yang dikehendaki untuk dizahirkan secara awam kepada pihak berkuasa kawal selia domestiknya dan bursa saham lain, jika berkenaan.

5.18 Pengedaran notis, dan lain-lain.

Perbadanan tersenarai mesti mengedarkan kepada pemegang syernya di Malaysia semua -

- (a) notis mesyuarat agung yang akan diadakan;
- (b) laporan tahunan;
- (c) akaun; dan
- (d) dokumen atau maklumat lain,

yang ia dikehendaki untuk diedarkan di tempat ia diperbadankan dan bursa saham lain, jika berkenaan. Perbadanan tersenarai mesti memberi notis yang mencukupi bagi membolehkan pemegang syernya di Malaysia mematuhi terma notis itu.

5.19 Pengumuman pelantikan pengarah

Tanpa prejudis kepada Kaedah 9.19 mengenai pengumuman segera kepada Bursa, pengumuman yang dibuat oleh perbadanan tersenarai berkenaan dengan pelantikan seorang pengarah mesti mengandungi tempat kediaman utama pengarah itu.

5.20 Pemegangan syer substansial

- (1) Perbadanan tersenarai mesti mengumumkan kepada Bursa dengan serta merta apa-apa perubahan pada kepentingan atau kepentingan-kepentingan pemegang syer substansial dalam syer mengundinya apabila diberitahu oleh pemegang syer substansial itu.
- (2) Perbadanan tersenarai mesti menyatakan nama pemegang syer dan butir-butir penuh perubahan, termasuk tarikh perubahan, bilangan syer yang terlibat dan hal keadaan yang menyebabkan perubahan itu berlaku.

5.21 Penyata kewangan

Perbadanan tersenarai mesti memastikan bahawa mana-mana penyata kewangan yang diumumkan kepada Bursa -

- (a) disediakan berasaskan penyatuan; dan
- (b) mematuhi kehendak di bawah Kaedah 5.10 di atas.

5.22 Akuan berkanun berhubung penyata kewangan tahunan teraudit

- (1) Penyata kewangan tahunan teraudit perbadanan tersenarai mesti disertakan dengan akuan berkanun yang ditandatangani oleh pengarah atau orang yang bertanggungjawab secara utama untuk pengurusan kewangan perbadanan tersenarai, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang memenuhi kehendak yang ditetapkan dalam Kaedah 9.27.
- (2) Penandatanganan yang disebut dalam sub-Kaedah (1) di atas mesti menyatakan pendapatnya terhadap ketepatan penyata kewangan tahunan teraudit itu atau sebaliknya.

5.23 Pemberitahuan penggantungan dan pembatalan penyenaraian

- (1) Perbadanan tersenarai mesti memberitahu Bursa secara bertulis dengan serta merta jika ia telah meminta penggantungan dalam perdagangan atau pembatalan penyenaraian sekuritinya di bursa saham lain.
- (2) Sekiranya bursa saham lain itu memutuskan untuk menggantung perdagangan atau membatalkan penyenaraian sekuriti perbadanan tersenarai, sama ada berhubung permintaannya di bawah sub-Kaedah (1) di atas atau selainnya, perbadanan tersenarai itu mesti memberitahu Bursa secara bertulis dengan serta merta.

5.24 Penerimaan masuk dan sebut harga sekuriti terbitan baharu.

Perbadanan tersenarai mesti memastikan bahawa setakat mana yang praktikal dan munasabah, semua sekuriti terbitan baharu adalah diterima masuk dan disebut harga di Bursa pada hari yang sama sekuriti itu diterima masuk dan disebut harga di bursa saham lain.

5.25 Pengumuman mengenai perubahan undang-undang

Perbadanan tersenarai mesti mengumumkan kepada Bursa dengan serta merta, sebarang perubahan di dalam undang-undang negara di mana ia diperbadankan atau undang-undang negara di mana subsidiari asing utamanya diperbadankan, yang boleh menjejaskan hak pemegang syernya. Ini termasuk –

- (a) hak untuk menghadiri, bersuara, mengundi di mesyuarat pemegang syer dan hak untuk melantik proksi;
- (b) hak untuk menerima tawaran hak dan apa-apa hak lain;
- (c) cukai pegangan ke atas sekuritinya;
- (d) had pemegangan syer asing bagi sekuriti;
- (e) kawalan modal ke atas dividen tunai atau pengagihan tunai lain yang perlu dibayar berkenaan dengan sekuritinya;
- (f) pemindahan keluar dana;
- (g) hak untuk memindah milik syer;
- (h) hak untuk melantik dan menyingkirkan pengarah dan juruaudit;
- (i) hak untuk menuntut mesyuarat agung;
- (j) hak untuk diberi notis mesyuarat;

-
- (k) hak untuk memeriksa mana-mana daftar, buku minit atau dokumen perbadanan tersenarai dan subsidiari asing utamanya; dan
 - (l) hak pemegang syer minoriti berhubung –
 - (i) pengambilalihan dan percantuman;
 - (ii) tindakan undang-undang atau tindakan penguatkuasaan terhadap perbadanan tersenarai atau subsidiari asing utamanya, pengarah dan pengurusan kanan mereka; dan
 - (iii) pengagihan aset hasil dari penggulangan atau pembubaran perbadanan tersenarai atau subsidiari asing utamanya.

5.26 Sistem kawalan dalaman

Perbadanan tersenarai dan subsidiarinya mesti memastikan bahawa mereka mempunyai sistem kawalan dalaman yang akan memberi jaminan yang munasabah bahawa -

- (a) aset perbadanan tersenarai dan subsidiarinya adalah dilindungi terhadap kerugian akibat penggunaan atau pelupusan yang tidak dibenarkan dan dapat memberikan keterangan aset yang sepatutnya; dan
- (b) semua transaksi dibenarkan dengan sepatutnya dan transaksi itu direkodkan yang perlu untuk membolehkan penyata kewangan yang benar dan patut disediakan.

[Bab tamat]